JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 56/2020

## RUJUKAN: 12 – 18 JUN 2020

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 18 Jun 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 8,000** atau 93.8 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **408 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **14 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **8,529 kes.** Kes import meliputi 21.4 peratus daripada catatan harian manakala **penularan tempatan berjumlah 11 kes** dengan sebanyak **7 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara Malaysia**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 53.1 peratus**, Zon Selatan (22.7 peratus), Wilayah Malaysia Timur (11.1 peratus), Zon Pantai Timur (7.4 peratus) dan Zon Utara (5.8 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** adalah menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur** dan **Sarawak** dengan dengan masing-masing **merekodkan 4 kes** disusuli Selangor (2 kes), Johor (2 kes) Perak (1 kes) dan Sabah (1 kes). Sejumlah **121 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **tiada kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **8,415,341 kes** dengan melibatkan **451,551 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **2,234,475 kes** disusuli oleh Brazil dengan 960,309 kes dan Rusia (561,091 kes). Secara umumnya, sebanyak 8 negara telah merekodkan kes positif melebihi 200 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Indonesia merekodkan 41,431 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Singapura (41,216 kes) dan Filipina (27,799 kes). Sementara itu, **26.6 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti Brazil yang menyumbang 10.3 peratus dan United Kingdom (9.3 peratus). Kadar kesembuhan dunia telah mencapai 50.28 peratus atau sebanyak 4,231,260 kes yang telah direkodkan sehingga kini seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**AS**: Sentimen pengguna terus meningkat pada bulan Jun. Setelah melaporkan rekod positif dalam sentimen pengguna AS pada bulan Mac dan April, University of Michigan mengeluarkan laporan yang menunjukkan sentimen terus meningkat pada bulan Jun berikutan pemulihan yang sederhana pada bulan Mei. Laporan awal menunjukkan indeks sentimen pengguna untuk bulan Jun meningkat kepada 78.6 daripada 72.3 pada bulan Mei dan 71.8 pada bulan April. Pakar ekonomi menjangkakan indeks

akan meningkat 75.0. Tinjauan mendapati kenaikan indeks itu dicerminkan oleh kenaikan prospek kewangan peribadi dan prospek ekonomi negara yang lebih baik kerana pembukaan semula ekonomi. (RTT)

**AS**: Indeks harga import melonjak lebih tinggi daripada yang dijangkakan di tengah kenaikan harga minyak. Laporan Labor Department AS menunjukkan lonjakan harga import AS yang lebih besar daripada yang dijangkakan pada bulan Mei 2020. Statistik menunjukkan peningkatan 1.0 peratus harga pada Mei selepas harga menjunam -2.6 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini adalah lebih tinggi berbanding jangkaan penganalisis ekonomi pada pertumbuhan marginal 0.6 peratus. Peningkatan harga import disokong oleh harga bahan bakar yang melonjak 20.5 peratus pada bulan Mei setelah menjunam -31.0 peratus pada bulan sebelumnya. Tidak termasuk kenaikan harga bahan bakar, harga import meningkat hanya 0.1 peratus pada bulan Mei setelah turun sebanyak -0.5 peratus pada bulan April. Kenaikan harga import bukan bahan bakar disumbangkan oleh kenaikan harga makanan, makanan, dan minuman dan barang-barang pengguna yang mengimbangi penurunan harga bekalan bahan dan kenderaan. (RTT)

**UK**: Ekonomi menguncup paling banyak akibat sekatan pergerakan COVID-19. Ekonomi UK pada bulan April menguncup pada kadar yang paling drastik sepanjang siri (dimulai pada tahun 1997), diakibatkan oleh sekatan pergerakan COVID-19. KDNK menguncup sebanyak -20.4 peratus pada bulan April berbanding penurunan -5.8 peratus bulan Mac 2020. Penurunan ini adalah lebih mendalam berbanding jangkaan -18.4 peratus oleh penganalisis ekonomi. Bagi tempoh tiga bulan hingga April, KDNK menurun -10.4 peratus, berbanding jangkaan penurunan -10 peratus. ONS menyatakan bahawa kejatuhan KDNK April adalah yang terbesar yang pernah dilalui oleh UK, lebih daripada tiga kali lebih besar daripada bulan lalu dan hampir sepuluh kali lebih besar daripada kejatuhan 19 tahun sebelum COVID-19." (RTT)

**UK**: Pengunjung ke kedai kekal 80 peratus lebih rendah pada bulan Mei. Menurut British Retail Consortium (BRC), jumlah pembeli di jalanan, kedai runcit dan pusat membeli-belah UK pada bulan Mei adalah 81.6 peratus lebih rendah berbanding bulan yang sama tahun yang lepas. Ini kerana kebanyakan kedai bukan makanan tetap ditutup kerana sekatan pergerakan COVID-19. Walaubagaimanapun, data menunjukkan sedikit peningkatan berbanding penurunan 84.7 peratus yang dilihat pada bulan April setelah beberapa pusat perniagaan dan kedai peralatan rumah dibuka semula pada bulan Mei 2020. (Reuters)

**UK**: Inflasi turun ke paras terendah 4 tahun pada bulan Mei 2020. Inflasi UK jatuh pada bulan lalu ke paras terendah sejak Jun 2016. Kejatuhan ini didorong oleh harga minyak dunia yang rendah. Office of National Statistics melaporkan inflasi harga pengguna perlahan kepada 0.5 peratus daripada 0.8 peratus pada bulan April 2020. Sementara itu inflasi teras menunjukkan penurunan apabila turun -1.2 peratus. Pada April 2020, inflasi teras merosot -1.4 peratus. (Reuters)

**UK**: Lebih daripada 600 ribu kehilangan pekerjaan ketika krisis COVID-19. Bilangan individu di gaji majikan UK turun lebih dari 600 ribu pada bulan April dan Mei ketika sekatan pergerakan COVID-19 dikuatkuasa yang merencat pasaran buruh UK. Selain itu, statistik turut menunjukkan kekosongan jawatan paling banyak yang pernah dicatatkan. Pengangguran meningkat kepada 3.9 peratus selama tiga bulan hingga April. Kadar pengangguran ini kekal rendah apabila skim rangsangan kerajaan yang mendorong pengekalan pekerjaan dan peningkatan jumlah orang yang tidak digolongkan sebagai penganggur kerana tidak dapat mencari pekerjaan dalam tempoh sekatan. Dalam tempoh yang sama terdapat penurunan rekod dalam pengeluaran ekonomi UK secara keseluruhan. Penganalisis ekonomi menjangkakan kenaikan kadar pengangguran menjadi 4.7 peratus. (Reuters)

**EU**: Lebihan perdagangan terendah sejak 2011. Lebihan perdagangan Zon Eropah mencapai paras terendah sejak akhir 2011 kerana kedua-dua eksport dan import mencatatkan penguncupan terbesar pada bulan April di tengah wabak COVID-19. Data dari Eurostat menunjukkan lebihan perdagangan jatuh ke EUR1.2 bilion pada bulan April dari EUR25.5 bilion pada bulan Mac 2020. Ini adalah yang terendah sejak Oktober 2011. Eksport dan import menurun masing-masing sebanyak -24.5 peratus dan -13 peratus pada bulan rujukan. Pada asas tahunan, eksport turun -29.3 peratus dan import menurun -24.8 peratus pada bulan April. Lebihan perdagangan yang tidak diselaras dengan musim adalah EUR2.9 bilion berbanding EUR15.5 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu. Dalam tempoh Januari hingga April, eksport menurun -8.6 peratus dan import menurun -9.3 peratus (*YoY)*. Ini menyebabkan imbangan perdagangan menunjukkan lebihan EUR57 bilion berbanding dengan lebihan EUR57.2 bilion pada tahun sebelumnya. (RTT)

**EU**: Output pembinaan di zon Eropah merosot pada kadar yang lebih perlahan pada bulan April berbanding bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, penurunan output pembinaan zon Eropah masih mencatatkan penurunan dua-digit apabila merosot -14.6 peratus *MoM* pada bulan April setelah kejatuhan -15.7 peratus pada bulan sebelumnya. Perancis mencatatkan penurunan terbesar apabila jatuh -32.6 peratus diikuti oleh Sepanyol merosot -26.3 peratus dan Slovakia dengan penurunan -10 peratus. Pada asas perbandingan tahun-ke-tahun, output pembinaan di Zon Eropah turun -28.4 peratus pada bulan April selepas penurunan -17.5 peratus pada bulan Mac. Pembinaan bangunan merosot -29.3 peratus dan kejuruteraan awam jatuh -24.5 peratus. Bagi blok ekonomi EU, pembinaan menyusut -24 peratus *YoY* pada bulan April dengan pembinaan bangunan jatuh -24.6 peratus dan kejuruteraan awam menurun -21.4 peratus. (RTT)

**EU**: Penjualan kereta terus mencatatkan penurunan mendadak pada bulan Mei. European Automobile Manufacturers Association (ACEA) melaporkan pendaftaran kereta Eropah terus mencatatkan penurunan yang drastik pada bulan Mei, meskipun pada yang lebih perlahan berbanding bukan sebelumnya. Penjualan kenderaan penumpang merosot -52.3 peratus *YoY* pada bulan Mei, susulan kejatuhan -76.3 peratus pada bulan sebelumnya. Pada bulan Mac, jualan turun -55.1 peratus. Walaupun langkah-langkah sekatan pergerakan telah dilonggarkan di kebanyakan

negara, jumlah kereta yang dijual di seluruh Kesatuan Eropah masih mencatatkan penurunan. (RTT)

**EU**: Inflasi Jerman perlahan untuk bulan ketiga. Inflasi harga pengguna Jerman lemah untuk bulan ketiga berturut-turut pada bulan Mei ke paras terendah sejak September 2016. Destatis melaporkan harga pengguna naik 0.6 peratus pada bulan Mei, berikutan kenaikan 0.9 peratus pada bulan sebelumnya. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, harga pengguna turun -0.1 peratus pada bulan Mei 2020. Data menunjukkan bahawa kos barang turun -0.4 peratus *YoY* pada Mei disebabkan oleh penurunan harga tenaga, sementara kos perkhidmatan meningkat 1.3 peratus. Tidak termasuk tenaga, inflasi naik pada 1.6 peratus. Harga tenaga menurun 8.5 peratus sementara harga makanan meningkat 4.5 peratus. (RTT)

**HONG KONG**: Indeks pengeluaran perindustrian jatuh pada suku pertama. Pengeluaran perindustrian Hong Kong menurun pada kadar yang lebih cepat pada suku pertama 2020. Data yang dikeluarkan oleh Census and Statistics Department Hong Kong menunjukkan, indeks pengeluaran perindustrian untuk industri perkilangan secara keseluruhan turun -4.6 peratus *YoY* pada suku pertama 2020 berbanding penurunan -0.5 peratus pada suku sebelumnya. Pada data yang disesuaikan mengikut musim, indeks pengeluaran industri untuk industri pembuatan secara keseluruhannya menurun sebanyak -3.5 peratus pada suku pertama berbanding suku sebelumnya. Data juga menunjukkan bahawa harga pengeluar industri meningkat 1.3 peratus pada suku pertama berbanding kenaikan 1.1 peratus pada suku sebelumnya. (RTT)

**JEPUN**: Pengeluaran perindustrian jatuh lebih daripada yang dianggarkan. Pengeluaran perindustrian Jepun merosot lebih dari yang dianggarkan pada bulan April. Data yang disesuaikan secara musim oleh Ministry of Economy, Trade and Industry Jepun menunjukkan pengeluaran industri jatuh -9.8 peratus *MoM* pada bulan April. Berdasarkan anggaran awalan, pengeluaran turun sebanyak -9.1 peratus. Selain itu, data turut menunjukkan penghantaran menurun -9.5 peratus pada bulan April, yang disemak dari -8.8 peratus. Inventori menurun -0.3 peratus, seperti yang dianggarkan. Nisbah inventori meningkat 13.6 peratus berbanding anggaran awal 12.7 peratus. Secara tahunan, pengeluaran perindustrian menurun 15.0 peratus pada bulan April. Menurut anggaran awal, output turun sebanyak -14.4 peratus. Berkenaan penggunaan kapasiti, data menunjukkan berlaku penurunan sebanyak -13.3 peratus pada bulan April, dan turun 21.5 peratus dari tahun sebelumnya. (RTT)

**China**: Pengeluaran industri Mei meningkat pada kadar yang lebih perlahan dari jangkaan. Hasil perindustrian China meningkat untuk bulan kedua berturut-turut pada bulan Mei tetapi keuntungan adalah lebih kecil dari yang dijangkakan, menunjukkan ekonomi masih berjuang untuk kembali ke landasan setelah krisis COVID-19. Jualan runcit dan pelaburan terus menyusut, menunjukkan prestasi pemulihan yang tidak sekata pada sektor-sektor ekonomi China. Penganalisis menyatakan tanda-tanda peningkatan terus dilihat di China, mulai dari pengeluaran keluli dan penjualan kereta hingga lebih banyak kilang industri dibuka. Namun, China mungkin memerlukan beberapa bulan untuk aktiviti kembali ke tahap sebelum krisis. Pertumbuhan output

industri meningkat kepada 4.4 peratus *YoY* pada bulan Mei 2020. Ini merupakan prestasi yang tertinggi sejak Disember tahun lalu. (Reuters)

**Indonesia**: Imbangan perdagangan melonjak pada bulan Mei. Imbangan perdagangan Indonesia meningkat kepada surplus pada bulan Mei 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penurunan import yang lebih besar berbanding penurunan eksport. Laporan dari Bada Pusat Statistik Indonesia menunjukkan. Eksport turun -29.0 peratus *YoY* pada bulan Mei. Penganalisis ekonomi menjangkakan penurunan sebanyak -18.0 peratus. Import menurun -42.2 peratus *YoY* pada bulan Mei. Ahli ekonomi telah meramalkan penurunan sebanyak -24.5 peratus. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, eksport turun -13.4 peratus manakala import turun -32.7 peratus pada bulan Mei. (RTT)

**SINGAPURA**: Eksport turun -4.5 peratus pada Mei, setelah tiga bulan mengalami pertumbuhan. Eksport domestik bukan minyak Singapura (NODX) turun -4.5 peratus *YoY* pada bulan Mei didorong oleh penurunan dalam sektor petrokimia. Ini memadamkan rekod pengembangan tiga bulan berturut-turut Singapura, dengan jumlah perdagangan menyusut -25 peratus. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, NODX menurun sebanyak -4.5 peratus, meneruskan penurunan bulan kedua setelah penguncupan -5.1 peratus pada bulan sebelumnya. Laporan menunjukkan penurunan -8.8 peratus dalam eksport domestik bukan elektronik Mei tidak dapat diimbangi oleh pertumbuhan 12.5 peratus oleh sektor elektronik. (CNA)

**HONG KONG**: Kadar pengangguran mencecah tahap tinggi dalam tempoh 15 tahun di tengah-tengah penularan virus COVID-19 dan rusuhan. Kadar pengangguran Hong Kong meningkat ke tahap tertinggi dalam tempoh 15 tahun pada bulan Mei, berikutan penutupan ekonomi yang diakibatkan oleh krisis COVID-19 dan peningkatan ketegangan anti-kerajaan di Hong Kong. Kadar pengangguran meningkat kepada 5.9 peratus untuk tempoh Mac hingga Mei, berbanding ramalan median 5.5 peratus di kalangan penganalisis ekonomi. Pengangguran di bandar adalah yang terburuk sejak April 2005, ketika Hong Kong pulih dari wabak virus SARS. Data ini mendahului puncak pasca krisis kewangan sebanyak 5.5 peratus pada bulan Ogos 2009. (Bloomberg)

**INDIA**: Harga borong jatuh pada bulan Mei 2020. Laporan dari Ministry of Commerce & Industry India menunjukkan indeks harga borong turun -3.21 peratus *YoY* pada bulan Mei, setelah kenaikan 0.42 peratus pada bulan Mac. Penganalisis ekonomi menjangkakan kejatuhan -1.05 peratus. Angka bulan Mei dibandingkan dengan angka akhir bulan Mac kerana maklumat terhad yang tersedia untuk bulan April. Indeks harga barangan utama merosot -2.92 peratus *YoY* pada bulan Mei berbanding kenaikan 2.16 peratus pada bulan Mac. Inflasi harga makanan meningkat kepada 1.13 peratus pada bulan Mei, sementara harga barang bukan makanan menurun -3.53 peratus. Harga bahan bakar dan tenaga menurun -19.83 peratus pada bulan Mei, menyusuli kejatuhan -2.93 peratus pada bulan sebelumnya. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) **Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC)** mengunjurkan **pertumbuhan 20 peratus sumbangan e-dagang** kepada ekonomi digital walaupun dalam penguatkuasaan PKP. Pertumbuhan yang diunjurkan dapat dicapai melalui campur tangan aktif pelbagai agensi dan sumbangan terhadap KDNK dijangka boleh mencecah **RM170 bilion** untuk tahun 2020.

2) **Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso)** telah memberikan sejumlah **RM103 juta** bantuan kewangan di bawah Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) kepada kira-kira **30,000 pekerja** yang telah kehilangan pekerjaan hingga akhir Mei.

3) **Chemical Company of Malaysia Bhd (CCM)** menyatakan permintaan untuk **produk kimia utama** yang digunakan dalam pembuatan produk kebersihan diri, pembasmi kuman dan rawatan air serta polimer untuk pembuatan sarung tangan **akan berterusan sepanjang** penularan pandemik Covid-19.

4) **AirAsia Group** akan memulakan **semua penerbangan domestik** mulai Julai setelah penguatkuasaan PKP dilonggarkan dan perjalanan merentas negeri merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk memulihkan ekonomi yang terjejas akibat penularan Covid-19.

5) **Industri minyak sawit** negara **dijangka pulih** berikutan **peningkatan permintaan** minyak sawit mentah (CPO) dari beberapa negara termasuk Turki.

6) Pengeluar kereta seperti MW Toyota Motor Sdn Bhd (UMWT), Proton Holdings Bhd (PROTON), Honda Malaysia, Kumpulan Automotif Naza dan BMW Group **menurunkan harga model kereta** keluaran masing-masing selaras dengan **insentif PENJANA** berhubung pengecualian cukai jualan sepenuhnya bagi model **pemasangan tempatan (CKD)** dan **50 peratus untuk model import sepenuhnya (CBU)** untuk tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2020.

7) **Malaysia Airlines Bhd** meramalkan perjalanan udara akan mengambil masa antara **12 hingga 18 bulan untuk pulih** kerana kemungkinan besar hanya terhad untuk perjalanan penting atau perniagaan dan tidak disokong oleh masa lapang.

8) **Pos Malaysia Bhd** mencatatkan kerugian bersih yang lebih rendah sebanyak **RM49.2 juta berbanding dengan RM141.1 juta** bagi suku yang sama tahun lepas. Perolehan telah **menurun 6.1 peratus**

kepada RM558.5 juta. Aktiviti kurier menyaksikan **kenaikan jumlah bungkusan** sebanyak **6.7 peratus** berbanding tahun ke tahun, disumbangkan oleh permintaan tinggi daripada e-dagang dan pasaran dalam talian.

9) Penggiat e-dagang, Lazada Malaysia dan TNG Digital Sdn Bhd memperkenalkan program **insentif bernilai RM6 juta** dinamakan **#KitaBantuKita** bagi merangsang ekonomi negara selepas COVID-19 dan melindungi lebih 320,000 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

10) **UMW Holdings Bhd** mencatatkan keuntungan bersih yang lebih rendah sebanyak **RM44.31 juta pada suku pertama 2020** berbanding **RM86.5 juta** bagi tempoh yang sama tahun lalu. Pendapatan menurun kepada RM2.11 bilion berbanding RM2.77 bilion.

11) Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) memperuntukkan **bantuan Prihatin sebanyak RM968,680 khusus untuk penanam kenaf di seluruh negara** yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Peruntukan yang disalurkan melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) ini **diberikan dalam bentuk input pertanian pada kadar RM500 bagi setiap hektar tanaman**. Sebanyak RM47,950 diperuntukkan kepada 54 penanam kenaf Kedah yang mengusahakan kawasan seluas 95.5 hektar di negeri Kedah.

12) Kerajaan membenarkan **prasekolah dan Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) dibuka sepenuhnya bermula 1 Julai**. Pembukaan keseluruhan prasekolah dan TADIKA itu membabitkan **6,216 prasekolah di bawah kendalian Kementerian Pendidikan serta 7,887 swasta**. TADIKA di bawah Kementerian Perpaduan Negara adalah sebanyak 1,781 sementara di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar berjumlah 8,530.

13) Kerajaan Sabah memperuntukkan **RM240 juta menerusi fasa kedua bantuan COVID-19** bagi mengaktifkan dan memulihkan beberapa sektor ekonomi. Antaranya melibatkan **pengurangan sewa sebanyak 30 peratus untuk tempoh enam bulan** kepada bangunan perindustrian dan premis perniagaan milik Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO), Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) dan Industri Kluster Kelapa Sawit (POIC), Lahad Datu bagi membantu Pengusaha kecil dan sederhana (PKS).

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The EDGE** | **MDEC expects 20% e-commerce growth contribution to digital economy this year**<br><br>The Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) is expecting a 20% growth in e-commerce contribution to the digital economy this year despite the enforced Movement Control Order (MCO) to contain the spread of Covid-19.<br><br>In a statement, it said the projected growth could be achieved through the active intervention of various ecosystem partners via ongoing initiatives and MDEC potentially see the expected contribution to gross domestic product (GDP) to go up to as high as RM170 billion for 2020.<br><br>MDEC's e-commerce team is still in the discussion stage with the Ministry of Finance (MOF) in finalising the execution of the Shop Malaysia Online campaign plan on incentives.<br><br>The campaign is to encourage online shopping by offering promotional codes and various discount vouchers through e-commerce platforms. | https://www.theedgemarkets.com/article/mdec-expects-20-ecommerce-growth-contribution-digital-economy-year |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The EDGE** | **Penang tourism players welcome Penjana, want speedy implementation of initiatives**<br><br>Penang's tourism players have welcomed the National Economic Recovery Plan (Penjana), saying there are various initiatives that can kick-start efforts to revive the tourism industry.<br><br>Chairman of Malaysia Association of Hotels (MAH) Penang Chapter Khoo Boo Lim said the unveiling of Penjana was a timely boost for the tourism industry, the country's second biggest revenue earner.<br><br>He hoped that the initiatives would be implemented speedily to help the local tourism sector pull through this challenging period and prepare for better times ahead.<br><br>Initiatives like the tourism tax exemption, tax payment deferment for tourism-related industries and service tax exemption for lodging services are expected to benefit the industry players during this challenging time, he added. | https://www.theedgemarkets.com/article/penang-tourism-players-welcome-penjana-want-speedy-implementation-initiatives |
| 3. | **The EDGE** | **Expect delays for new retail mall projects, says Savills Malaysia**<br><br>Time extensions for new mall completions is to be expected as the government-imposed Movement Control Order had brought construction site and | https://www.theedgemarkets.com/article/expect-delays-new-retail-mall-projects-says-savills-malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | project works to a standstill, according to Savills Malaysia in its Asian Cities Report – Kuala Lumpur Retail 1H2020.<br><br>Notable retail malls in the pipeline include the KL East Mall, Setia City Mall Phase 2, The Exchange TRX, Mitsui Shopping Park Lalaport, Pavilion Bukit Jalil, Pavilion Damansara Heights, Warisan Merdeka Mall and IOI City Mall Phase 2.<br><br>According to the report, the next two years will see an additional 13.5 million sq ft of net lettable retail space in Greater KL, with the bulk of it or 63.6% expected to be completed in 2021.<br><br>Meanwhile, occupancy and rents have yet to see signs of adjustments, with average occupancy rate in Greater KL declining slightly by 0.9% to 87.2% in the first quarter, it noted. | |
| 4. | **The EDGE** | **Prepare for digital economy, halal SMEs urged**<br><br>Halal small and medium enterprises (SMEs) have been urged to prepare for the new wave of business as the global digital economy comes of age. Assoc Prof Dr Suhaimi Ab Rahman, deputy dean of Universiti Putra Malaysia's (UPM) Economics and Management Faculty (Research, Industrial Network and Society), said they need to | https://www.theedgemarkets.com/article/prepare-digital-economy-halal-smes-urged |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | be proficient in e-commerce business and the use of information and communications technology (ICT) in business.<br><br>The data shows that only 20 percent of Bumiputera SMEs are involved in the digital economy. This means Bumiputera SMEs including halal SMEs still lag far behind and need to act fast to enable them to be involved in the digital economy. Suhaimi said COVID-19 has changed the economic environment by creating the need for contactless and cashless transactions, social distancing, and an emphasis on cleanliness and safety. | |
| 5. | **The EDGE** | **MPC: Penjana digitalisation initiatives will boost productivity**<br><br>Businesses and the public will benefit from the National Economic Recovery Plan (Penjana) incentives on digitalisation and technology which when properly implemented will lead to a surge in business productivity, said the Malaysia Productivity Corp (MPC).<br><br>MPC director-general Datuk Abdul Latif Abu Seman said digitalisation is inevitable and the agency has seen the welcoming impact of digitalisation in recent months. DPN champion Datuk Wei Chuan Beng said Penjana will | https://www.theedgemarkets.com/article/mpc-penjana-digitalisation-initiatives-will-boost-productivity |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | benefit industry players by empowering businesses to adopt digitalisation in the bid to boost productivity.<br><br>Digitalisation boosts productivity growth for a country's long-term development, Wei said, noting highly productive economies adapt quickly to technological changes. | |
| 6. | **The EDGE** | **Socso disbursed RM103m to 30,000 workers as of May, says Saravanan**<br><br>The Social Security Organisation (Socso) has disbursed a total of RM103 million in financial aid under the Employment Retention Programme (ERP) to about 30,000 workers who lost their jobs up to the end of May.<br><br>Human Resources Minister Datuk Seri M Saravanan said that the three most affected and high-risk sectors for job losses were manufacturing, hotel and tourism.<br><br>Meanwhile, Saravanan said that his ministry had introduced various initiatives for the affected employees, including reskilling and upskilling programmes for the hotel and tourism sectors. | https://www.theedgemarkets.com/article/socso-disbursed-rm130m-30000-workers-may-says-saravanan |
| 7. | **The EDGE** | **ECRL project only 0.02% delayed due to MCO, says Wee**<br><br>The East Coast Rail Link (ECRL) project was only 0.02% | https://www.theedgemarkets.com/article/ecrl-project-only-002-delayed-due-mco-says-wee |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | delayed in its implementation schedule due to the movement control order (MCO) imposed and its construction was back to normal, Transport Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said.<br><br>He said the government was committed to ensuring that its continuation went on smoothly in line with Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's announcement that the megaproject was to continue.<br><br>According to Wee, works in Section A spanning 210.4km from Kota Baru (Kelantan) to Dungun (Terengganu) and Section B from Dungun to Mentakab (Pahang) for 223km were ongoing, and so far 16.45% had been completed. | |
| 8. | **The EDGE** | **Malaysia's palm oil market expected to rebound — Khairuddin**<br><br>The nation's palm oil industry is expected to rebound on the back of increasing demand for crude palm oil (CPO) and refined palm oil from several countries including Turkey.<br><br>Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali said the ministry is confident that the country's current palm oil supply is sufficient to meet the external demand.<br><br>The tax exemption was one of the measures under the Short- | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-palm-oil-market-expected-rebound-%E2%80%94-khairuddin |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Term Economic Recovery Plan (PENJANA), aimed at managing the country's stock level and stabilising CPO price.<br><br>He added that in an effort to ensure sustainable supplies, the ministry is also encouraging the younger generation to get involved in the oil palm estates as there are still quite a lot of unharvested crops. | |
| 9. | **New Straits Time** | **Overwhelming response to sale of My30 unlimited monthly travel pass**<br><br>Commuters thronged RapidKL counters to get their hands on the My30 unlimited travel pass when it was launched yesterday, with 21,403 passes sold in a single day.<br><br>The package, which is an initiative under the government's Economic Recovery Plan (Penjana), allows Malaysians to enjoy unlimited rail and bus rides operated by the group in the Klang Valley at only RM30 per month, until the end of the year.<br><br>Prasarana Malaysia Bhd chief executive officer Muhammad Nizam Alias said the package will help ease the burden faced by the people, especially those affected by the Covid-19 pandemic.<br><br>Nizam said My30 will especially benefit those who travel daily to work and attract new customers | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/601036/overwhelming-response-sale-my30-unlimited-monthly-travel-pass |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | at the same time, subsequently increasing the number of commuters. | |

Penemuan penting & isu:

1. Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) mengunjurkan pertumbuhan 20% sumbangan e-dagang kepada ekonomi digital walaupun dalam penguatkuasaan PKP. Pertumbuhan yang diunjurkan dapat dicapai melalui campur tangan aktif pelbagai agensi dan sumbangan terhadap KDNK dijangka boleh mencecah RM170 bilion untuk tahun 2020.
2. Pengerusi Malaysia Association of Hotels (MAH) menyatakan insentif Penjana dapat mendorong pemulihan industri pelancongan yang merupakan salah satu penyumbang kepada ekonomi negara.
3. Menurut Savills Malaysia, pembinaan pusat membeli belah baharu dijangkakan lewat daripada tarikh sasaran akibat penguatkuasaan PKP yang menyebabkan aktiviti pembinaan ditangguhkan.
4. Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) telah memberikan sejumlah RM103 juta bantuan kewangan di bawah Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) kepada kira-kira 30,000 pekerja yang telah kehilangan pekerjaan hingga akhir Mei.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebanyakkan industri tempatan telah menjalankan perniagaan secara atas talian bagi meneruskan kelangsungan industri sepanjang PKP. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi e-dagang di Malaysia. Pada tahun 2018, prestasi e-dagang bertumbuh pada 7.9 peratus berbanding 11.9 peratus pada tahun sebelumnya.
2. Insentif Penjana yang diumumkan Kerajaan dapat membantu memulihkan industri yang terjejas terutamana industri pelancongan. Pada tahun 2018, nilai ditambah kasar industri pelancongan merekodkan RM220.6 bilion dengan bertumbuh pada 10.0 peratus berbanding 10.3 peratus pada tahun 2017.
3. Penangguhan aktiviti pembinaan pusat membeli belah sepanjang PKP akan memberi kesan kepada pertumbuhan sektor Pembinaan terutamanya kepada subsektor Bangunan bukan kediaman. Pada ST1 2020, nilai ditambah subsektor pembinaan bangunan bukan kediaman merosot ke negatif 11.6 peratus berbanding negatif 10.0 peratus pada ST4 2019.
4. Inisiatif Perkeso dalam membantu pekerja yang terjejas akibat PKP akan disesuaikan dalam penyusunan statistik pampasan pekerja dalam KDNK Kaedah Pendapatan. Pada tahun 2018, pampasan pekerja telah menyumbang sebanyak 35.7 peratus kepada KDNK harga semasa.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **My Metro** | **Kenderaan Toyota, Lexus lebih murah**<br><br>MW Toyota Motor Sdn Bhd (UMWT), pengedar model Toyota dan Lexus di Malaysia mengumumkan pengurangan harga sehingga enam peratus berkuat kuasa 15 Jun 2020.<br><br>Ini susulan pengumuman Perdana Menteri mengenai pengecualian cukai jualan sepenuhnya bagi model pemasangan tempatan (CKD) dan 50 peratus untuk model import sepenuhnya (CBU) bermula 15 Jun hingga 31 Disember 2020 ketika membentangkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana). | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/06/588943/kenderaan-toyota-lexus-lebih-murah |
| 2. | **Berita Harian** | **Honda Malaysia turun harga kereta sehingga RM9,502.47**<br><br>Harga model Honda turun sehingga RM9,502.47 berikutan pengecualian cukai jualan seperti diumumkan kerajaan.<br><br>Menerusi pelarasan harga baharu, model CKD iaitu Jazz, BR-V, City, HR-V, Civic, CR-V dan Accord turun antara RM2,788.46 hingga RM8,545.63. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/700547/honda-malaysia-turun-harga-kereta-sehingga-rm950247 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **MyMetro** | **Kia, Peugeot, Citroen dan DS turun harga**<br><br>KUMPULAN Naza melalui divisyen Kumpulan Automotif Naza menawarkan penurunan harga selaras dengan insentif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana). | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/590133/kia-peugeot-citroen-dan-ds-turun-harga |
| 4. | **Berita Harian** | **BMW, MINI juga umum penurunan harga**<br><br>BMW Group Malaysia mengumumkan penurunan harga sehingga RM29,747.13 bagi model pemasangan tempatan (CKD) dan RM31,388.77 bagi kenderaan import sepenuhnya (CBU) berkuatkuasa 15 Jun 2020. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/700570/bmw-mini-juga-umum-penurunan-harga |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 5. | **The Edge Markets** | **AirAsia to resume all domestic routes from July**<br><br>Malaysian budget carrier AirAsia Group will restart all domestic routes from July 2020.<br><br>Malaysia allowed interstate travel to resume last week as part of the government's plan to revive an economy hit hard by the pandemic after declaring that the coronavirus was successfully brought under control. | https://www.theedgemarkets.com/article/airasia-resume-all-domestic-routes-july#.XueAhsvtV-I |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | **Astro Awani** | **Terkesan dengan COVID-19, Grab berhentikan 360 kakitangan**<br><br>Syarikat e-hailing berpangkalan di Singapura, Grab memaklumkan akan melepaskan seramai 360 orang Grabbers atau sekitar tidak sampai lima peratus daripada jumlah tenaga kerja syarikat itu. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/terkesan-dengan-covid-19-grab-berhentikan-360-kakitangan-247389 |
| 7. | **New Straits Times** | **Air travel may take up to 18 months to recover, says Malaysia Airlines**<br><br>Malaysia Airlines Bhd believes air travel will take between 12 and 18 months to recover as it would most likely be limited to essential or business travels and not be underpinned by leisure. | https://www.nst.com.my/business/2020/06/600673/air-travel-may-take-18-months-recover-malaysia-airlines |
| | **C. Subsektor Makanan & Minuman** | | |
| 8. | **The Star** | **Restaurants feeling the heat**<br><br>According to the Selangor and Federal Territory Chinese Restaurant Operators Association, more than two million table reservations have either been cancelled or postponed in the Klang Valley since the movement control order (MCO) was implemented on March 18. This has resulted in a loss of up to RM3bil. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/06/17/restaurants-feeling-the-heat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **D. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi** | | |
| 9. | **The Edge** | **4D outlets to resume operations tomorrow**<br><br>Magnum Bhd and Pan Malaysia Pools Sdn Bhd (Damacai), two of the three NFOs in Malaysia, have each put up an official notice on their websites about the reopening of all its outlets nationwide starting 17 June 2020. | https://www.theedgemarkets.com/article/4d-outlets-resume-operations-tomorrow |
| | **E. Subsektor Penginapan** | | |
| 10. | **Free Malaysia Today** | **Berjaya's Tioman Resort to close**<br><br>Berjaya Tioman Resort announced that the popular island resort will close on 15 June 2020. There will be termination of workers and workers will be compensated in accordance with collective agreements and Employment Laws. The compensation amounted to over RM8 million. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/06/12/berjayas-tioman-resort-to-close/ |

Penemuan penting & isu:

1. Kebanyakan pengeluar kereta seperti MW Toyota Motor Sdn Bhd (UMWT), Honda Malaysia, Kumpulan Automotif Naza dan BMW Group menurunkan harga model kereta keluaran masing-masing selaras dengan insentif PENJANA berhubung pengecualian cukai jualan sepenuhnya bagi model pemasangan tempatan (CKD) dan 50 peratus untuk model import sepenuhnya (CBU) untuk tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2020.
2. AirAsia Group akan menjalankan semula operasi penerbangan ke seluruh rangkaian domestiknya dan dengan kapasiti tempat duduk penuh, menurut garis panduan pemerintah, walaupun frekuensi akan bergantung pada permintaan.
3. Malaysia Airlines Bhd meramalkan perjalanan udara akan mengambil masa antara 12 hingga 18 bulan untuk pulih kerana kemungkinan besar hanya terhad untuk perjalanan penting atau perniagaan dan tidak disokong oleh masa lapang.

4. Penguasaha majlis perkahwinan dan restoran mengalami kerugian akibat pembatalan majlis perkahwinan akibat pandemik COVID-19.
5. Industri berkaitan perjudian dan pertaruhan telah mula dibuka mulai 17 Jun 2020.
6. Berjaya Tioman Resort akan ditutup pada 15 Jun 2020 manakala pekerja akan diberhentikan dan diberi pampasan mengikut syarat tertentu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Insentif PENJANA berhubung pengecualian cukai kenderaan buatan tempatan dan luar negara dijangka akan merancakkan kembali prestasi jualan kenderaan di Malaysia.
2. Pengoperasian semula aktiviti pengangkutan udara dijangka dapat meningkat hasil pertubuhan player di dalam industri tersebut.
3. Pengumuman pembukaan industri berkaitan subsektor kesenian, hiburan & rekreasi dijangka akan memberi kesan positif terhadap ekonomi negara khususnya sektor perkhidmatan.
4. Bahagian akan mengambil perhatian terhadap semua sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKPP semasa penyusunan statistik pada suku kedua 2020 akan datang.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **New Straits Time**<br>**14 Jun 2020** | **Demand for palm oil to surge as importing countries restock**<br><br>Market observers are upbeat about demand for Malaysia's palm oil from India and China due to current low stocks there and attractive crude palm oil price discount against other edible oils.<br><br>The gradual reopening of the Indian and European economies also would likely lead to a surge in demand and replenish inventories on the event of a second wave of the Covid-19 pandemic. | https://www.nst.com.my/business/2020/06/600490/demand-palm-oil-surge-importing-countries-restock |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **New Straits Time 17 Jun 2020** | **MSM secures 200,000 tonnes of sugar products exports**<br><br>MSM Malaysia Holdings Bhd has so far secured 200,000 tonnes of sugar products for exports, edging closer to its target of shipping 350,000 tonnes abroad this year.<br><br>The target should translate into nearly RM600 million revenue, MSM group chief executive officer Datuk Khairil Anuar Aziz said.<br><br>Khairil Anuar also said MSM was bullish about turning around this year, fuelled by steady improvement in sugar price and commercialisation of its refinery in Johor. | https://www.nst.com.my/business/2020/06/601284/msm-secures-200000-tonnes-sugar-products-exports |
| 3. | **The Edge Markets 18 Jun 2020** | **Oil prices drop on demand worries as coronavirus cases rise**<br><br>Oil prices fell more than 1% in early trade on Thursday as a spike in new coronavirus cases in China and the United States renewed fears that people would stay home and stall a recovery in fuel demand even as lockdowns ease.<br><br>U.S. West Texas Intermediate (WTI) crude futures were down 1.6%, or 60 cents, at $37.36 a barrel at 0035 GMT, adding to a loss of 42 cents on Wednesday.<br><br>Brent crude futures fell 1.1%, or 45 cents, to $40.26 a barrel. The benchmark contract | https://www.theedgemarkets.com/article/oil-prices-drop-demand-worries-coronavirus-cases-rise |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | declined 25 cents on Wednesday. | |

Penemuan penting & isu:

1. Permintaan terhadap minyak sawit dijangka meningkat daripada India dan China berikutan inventori minyak sawit yang rendah di India dan China Import minyak sawit dari India dijangka akan meningkat menjadi 800,000 tan sebulan pada bulan Julai hingga September 2020 dari 400,000 tan sebulan pada bulan April dan Mei. Import minyak sawit dari China juga dijangka akan meningkat menjadi 590,000 tan sebulan pada separuh kedua tahun ini berbanding 402,000 tan sebulan pada separuh pertama tahun 2020.
2. MSM Malaysia Holdings Bhd setakat ini telah memperoleh 200,000 tan produk gula untuk dieksport, hampir mencapai sasaran eksport 350,000 tan ke luar negera tahun ini, menghasilkan pendapat RM600 juta, didorong oleh peningkatan harga gula dan pengkomersialan kilang di Johor.
3. Harga minyak turun lebih dari 1% berikutan lonjakan kes koronavirus baru di China dan Amerika Syarikat yang dikhuatiri menyebabkan orang akan tinggal di rumah dan menghentikan pemulihan permintaan bahan bakar walaupun kawalan pergerakan akibat Covid-19 telah reda. Niaga hadapan minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) A.S. turun 1.6%, atau 60 sen, pada $37.36 setong. Niaga hadapan minyak mentah Brent turun 1.1%, atau 45 sen, kepada $40.26 setong.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bagi tempoh Januari hingga April 2020 berasaskan tahun ke tahun**, eksport minyak sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak sawit** meningkat RM584.4 juta (+2.8%) kepada RM21.3 bilion berbanding RM20.8 bilion pada tahun 2019.
2. Bagi tempoh Januari hingga April 2020 berasaskan tahun ke tahun, **eksport produk gula** naik RM49.5 juta (+45.8%) kepada RM157.5 juta berbanding RM108.0 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu.
3. Bagi tempoh Januari hingga April 2020, **eksport petroleum mentah** merosot RM1.2 bilion (-14.2%) kepada RM7.4 bilion berbanding RM8.7 bilion pada 2019. **Eksport keluaran petroleum bertapis** meningkat RM3.9 bilion (+20.7%) kepada RM22.5 bilion berbanding RM18.7 bilion.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Harga model Proton turun sehingga 5.7 peratus**<br><br>PROTON Holdings Bhd (PROTON) menurunkan harga barisan model keluarannya sekitar 1.2 peratus hingga 5.7 peratus berkuatkuasa hari ini 15 Jun 2020. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/700535/harga-model-proton-turun-sehingga-57-peratus |
